PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
NO. MBJ : 9732001

---

1. KEAHLIAN

1.1 Majlis Bersama Jabatan bagi **Majlis Perbandaran Ampang Jaya** (selepas ini disebut sebagai **'Majlis'**) hendaklah mengandungi **empat puluh tujuh (47)** orang ahli secara keseluruhannya termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha - Setiausaha yang terdiri daripada **seorang (1) Pengerusi iaitu Yang Dipertua** dan **dua puluh dua (22)** orang ahli yang dilantik oleh **Yang Dipertua** Majlis Perbandaran Ampang Jaya (selepas ini disebut sebagai **'Pihak Pegawai'**) dan **dua puluh empat (24)** orang ahli yang dipilih oleh pekerja – pekerja yang berkhidmat di **Majlis Perbandaran Ampang Jaya** (selepas ini disebut sebagai **'Pihak Pekerja'**).

2. PIHAK PEGAWAI

2.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang berkhidmat di **Majlis Perbandaran Ampang Jaya** seperti berikut:-

2.1.1	Yang Dipertua, MPAJ	- Pengerusi
2.1.2	Setiausaha/ Timbalan Yang Dipertua, Majlis	- Ahli
2.1.3	Pengarah Jabatan Perbendaharaan	- Ahli
2.1.4	Pengarah Jabatan Hasil	- Ahli
2.1.5	Pengarah Jabatan Korporat dan Teknologi Maklumat	- Ahli
2.1.6	Pengarah Jabatan Penguatkuasaan	- Ahli
2.1.7	Pengarah Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap	- Ahli
2.1.8	Pengarah Jabatan Bangunan dan Senibina	- Ahli
2.1.9	Pengarah Jabatan Perancang Bandar	- Ahli
2.1.10	Pengarah Jabatan Kejuruteraan	- Ahli
2.1.11	Pengarah Jabatan Penilaian dan Pembangunan Hartanah	- Ahli
2.1.12	Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan	- Ahli
2.1.13	Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan	- Ahli

2.1.14	Pengarah Jabatan Undang-Undang	- Ahli
2.1.15	Ketua Bahagian Audit Dalam	- Ahli
2.1.16	Ketua Bahagian Perhubungan Awam dan Sekretariat	- Ahli
2.1.17	Ketua Bahagian Pusat Khidmat Setempat (OSC Pembangunan)	- Ahli
2.1.18	Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)	- Ahli
2.1.19	Ketua Bahagian Ukur Bahan	- Ahli
2.1.20	Ketua Bahagian Integriti	- Ahli
2.1.21	Ketua Bahagian Pengurusan Harta	- Ahli
2.1.22	Ketua Bahagian Penyelenggaraan Bangunan	- Ahli
2.1.23	Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan	- Setiausaha

2.2 Ahli – ahli bagi Pihak Pegawai ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing – masing dan tiada had tempoh memegang jawatan dalam Majlis.

2.3 Sekiranya terdapat kekosongan pada jawatan Yang Dipertua, Setiausaha / Timbalan Yang Dipertua yang menanggung tugas-tugas Yang Dipertua akan dipertanggungjawabkan sebagai Pengerusi bagi Mesyuarat ini.

3. PIHAK PEKERJA

3.1 Ahli – ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja di Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Gred 12 dan ke bawah, tidak terlibat dalam membuat keputusan, bukan merupakan Ketua Bahagian/Unit dan dipilih oleh pekerja-pekerja itu sendiri. Peraturan bagi pemilihan ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang akan disediakan buat permulaan oleh satu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pekerja – pekerja dalam Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan diluluskan oleh Yang Dipertua. Ahli-ahli Pihak Pekerja adalah seperti berikut:

3.1.1 Satu (1) wakil Kumpulan Pengurusan dan Profesional

3.1.2 Satu (1) wakil Penolong Jurutera

3.1.3 Satu (1) wakil Penolong Pegawai Undang-Undang

3.1.4 Satu (1) wakil Penolong Pegawai Tadbir / Penolong Pegawai Penerangan

3.1.5 Satu (1) wakil Penolong Arkitek Landskap

3.1.6 Satu (1) wakil Penolong Pegawai Penilaian / Pembantu Penilaian

3.1.7 Satu (1) wakil Penolong Juruaudit / Pembantu Juruaudit / Pembantu Tadbir (Kewangan)

3.1.8 Satu (1) wakil Penolong Akauntan / Pembantu Akauntan

3.1.9 Satu (1) wakil Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

3.1.10 Satu (1) wakil Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa

3.1.11 Satu (1) wakil Penolong Juruukur Bahan

3.1.12 Satu (1) wakil Penolong Pegawai Pertanian

3.1.13 Satu (1) wakil Pembantu Kesihatan Awam

3.1.14 Satu (1) wakil Pembantu Tadbir / Pembantu Belia dan Sukan

3.1.15 Satu (1) wakil Penolong Pegawai Senibina

3.1.16 Dua (2) wakil Penolong Pegawai Penguatkuasa / Pembantu Penguatkuasa

3.1.17 Satu (1) wakil Pelukis Pelan

3.1.18 Satu (1) wakil Penolong Pegawai Teknologi Maklumat / Juruteknik Komputer

3.1.19 Satu (1) wakil Pembantu Khidmat Am (Pembantu Operasi)

3.1.20 Satu (1) wakil Pembantu Khidmat Am (Pemandu Kenderaan)

3.1.21 Satu (1) wakil Pembantu Khidmat Am (Pembantu Awam)

3.1.22 Satu (1) wakil Pembantu Kemahiran / Penjaga Jentera Elektrik

3.1.23 Satu (1) wakil Pereka / Jurufotografi

3.2 Pemilihan Pengerusi dan Setiausaha Pihak Pekerja adalah dibuat dari kalangan ahli-ahli Pihak Pekerja yang dipilih dan pemilihan itu hendaklah dibuat oleh Pihak Pekerja sendiri tanpa campur tangan dari Pihak Pengurusan. Pengerusi Pihak Pekerja akan menjadi Naib Pengerusi kepada MBJ manakala Setiausaha Pihak Pekerja akan menjadi Setiausaha Bersama.

3.3 Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh calon-calon daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu, atau pekerja-pekerja itu sendiri.

3.4 Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai daripada tarikh perlantikan mereka dan mereka boleh terus

memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/dipilih.

3.5 Pelantikan semula ahli jawatankuasa sedia ada untuk sesi berikutnya tanpa melalui proses undian adalah terhad kepada dua (2) penggal berturut-turut sahaja.

4. PEGAWAI – PEGAWAI MAJLIS

4.1 Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada ahli yang dipilih dan menjadi Pengerusi ahli Pihak Pekerja. Setiausaha Pihak Pegawai dan Setiausaha Pihak Pekerja menjadi Setiausaha Bersama bagi Majlis.

5. TUJUAN

5.1 Tujuan Majlis adalah:

5.1.1 untuk memperolehi seluas-luas kerjasama yang menyeluruh di antara pegawai-pegawai yang bergaji di dalam Majlis Perbandaran Ampang Jaya mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kelancaran kerja dan kebajikan pekerja-pekerja yang berkenaan;

5.1.2 untuk mengadakan jentera bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja dan amnya untuk mengumpul berbagai buah fikiran daripada pekerja-pekerja dengan wakil-wakil rasmi Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

6. BIDANG DAN FUNGSI

6.1 Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis yang mana adalah seperti berikut:

6.1.1 Membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada berkaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali menyentuh berhubung dasar kerajaan/Majlis atau semua perkara mengenai pekerja-pekerja perseorangan;

6.1.2 Membolehkan kakitangan mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab di atas perkara-perkara mengenai kerja-kerja mereka dan mematuhi syarat-syarat bawah mana tugas-tugas mereka dijalankan;

6.1.3 Menggalakkan kakitangan menerusi pengambilan bahagian dalam perbincangan-perbincangan untuk mendapat pengetahuan yang lebih lagi mengenai pentadbiran berbagai Jabatan; dan

6.1.4 Mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

7. PERATURAN MESYUARAT

7.1 Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan sekurang - kurangnya 1 kali dalam tempoh 4 bulan (3 kali setahun);

7.2 Kuorom bagi mesyuarat Majlis hendaklah tidak kurang daripada 50% bagi kedua-dua pihak, iaitu 11 orang ahli Pihak Pegawai dan 12 orang ahli Pihak Pekerja;

7.3 Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-Setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada 7 hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi Majlis; dan

7.4 Mesyuarat khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi bila dikehendaki. Tarikh mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis memanggil mesyuarat tersebut.

7.5 Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mana-mana mesyuarat MBJ, maka ahli Pihak Pegawai terkanan boleh mempengerusikan mesyuarat tersebut dengan kebenaran daripada Pengerusi. Dalam apa keadaan

sekalipun, Naib Pengerusi MBJ merangkap Pengerusi Pihak Pekerja tidak boleh mempengerusikan mana-mana mesyuarat MBJ.

8. KEPUTUSAN

8.1 Segala keputusan-keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan di antara kedua-dua belah pihak.

8.2 Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan jabatan-jabatan lain dan tidak pula bertelingkah dengan dasar Kerajaan bolehlah diselenggarakan atau dilaksanakan terus oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar Kerajaan ataupun dengan Jabatan-Jabatan lain ianya hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun kepada Jabatan-Jabatan yang berkenaan.

9. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

9.1 Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana satu mesyuarat Majlis. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan.

**Dikemaskini pada 28 Ogos 2026*